



28 Februari 2017
28 February 2017
P.U. (A) 65

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN (AKUAKULTUR PERIKANAN DARAT) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2017

FISHERIES (INLAND FISHERIES AQUACULTURE) (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR AND FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) RULES 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIKANAN 1985

KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN (AKUAKULTUR PERIKANAN DARAT)
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN)
2017

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II
PENTADBIRAN

4. Pelan pembangunan akuakultur bagi perikanan darat

BAHAGIAN III
PERMIT

5. Aktiviti yang menghendaki permit
6. Permohonan permit untuk membina premis akuakultur
7. Pengeluaran permit
8. Pematuhan syarat-syarat yang dikenakan ke atas permit
9. Pembaharuan permit
10. Tempoh sah permit
11. Permit tidak boleh dipindah milik

BAHAGIAN IV

LESEN

12. Aktiviti untuk dilesenkan
13. Permohonan lesen untuk menjalankan aktiviti akuakultur
14. Pengeluaran lesen
15. Pematuhan syarat yang dikenakan ke atas lesen
16. Kewajipan pemegang lesen
17. Perluasan, pengubahsuaian *dsb*, premis akuakultur
18. Pembaharuan lesen
19. Pindah milik lesen
20. Tempoh sah lesen
21. Pengenalan premis akuakultur
22. Pindaan kepada syarat-syarat permit atau lesen

BAHAGIAN V

PENGGANTUNGAN, PEMBATALAN DAN PENYERAHAN BALIK

23. Penggantungan permit atau lesen
24. Pembatalan permit atau lesen
25. Penyerahan balik permit atau lesen

BAHAGIAN VI

PENGURUSAN PENGENDALIAN AKUAKULTUR

26. Amalan akuakultur baik
27. Pelepasan efluen dirawat
28. Pelepasan efluen yang tidak dirawat
29. Penggunaan bahan kimia akuakultur
30. Ikan yang diubah suai secara genetik, ikan eksotik dan spesies ikan yang bukan asli

BAHAGIAN VII
PENGURUSAN KESIHATAN IKAN

31. Penyakit ikan
32. Pemberitahuan penyakit ikan
33. Mengesyaki penyakit ikan
34. Pengesahan penyakit ikan
35. Pengisytiharan kawasan bebas penyakit ikan

BAHAGIAN VIII
PERUNTUKAN AM

36. Rayuan kepada Menteri
37. Penyampaian dokumen
38. Peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PERIKANAN 1985

KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN (AKUAKULTUR PERIKANAN DARAT)
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN)
2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 38(1) Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan) 2017**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2017.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang menjalankan aktiviti akuakultur berhubung dengan perikanan darat di premis akuakultur untuk tujuan komersial di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“kawasan kuarantin” ertinya suatu kawasan yang ditetapkan yang ikan dasingkan dengan tiada hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan ikan lain;

“kawasan pembendungan” ertinya suatu kawasan di sekitar premis yang dijangkiti penyakit ikan dan suatu kawasan yang langkah-langkah kawalan penyakit dilaksanakan bagi maksud pencegahan penyebaran penyakit itu;

“langkah-langkah kawalan penyakit” ertinya langkah kawalan penyakit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 33(3)(b);

“makmal diagnostik” ertinya mana-mana makmal yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah mengikut kaedah 33;

“premis akuakultur” ertinya premis yang digunakan untuk menjalankan aktiviti akuakultur perikanan darat yang termasuklah tangki, kolam, sangkar atau ruang pejabat yang dibina bagi maksud aktiviti akuakultur.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Pelan pembangunan akuakultur bagi perikanan darat

4. (1) Ketua Pengarah hendaklah menyediakan dan sentiasa mengkaji semula pelan pembangunan akuakultur bagi perikanan darat berdasarkan maklumat saintifik terbaik yang ada dan dirancang untuk memastikan penggunaan optimum sumber perikanan darat, konsisten dengan prinsip pemuliharaan dan pengurusan yang baik, dan mengikut keseluruhan dasar, pelan dan program pembangunan negara.

(2) Setiap pelan dan setiap ubah suaian atau semakan pelan hendaklah dilaksanakan setelah diluluskan oleh Menteri.

(3) Segala pembangunan dalam industri perikanan darat hendaklah menepati pada umumnya dengan polisi pengurusan dan pemuliharaan yang diperihalkan dalam pelan pembangunan akuakultur.

BAHAGIAN III

PERMIT

Aktiviti yang menghendaki permit

5. (1) Tiada seorang pun boleh membina apa-apa premis akuakultur melainkan jika orang itu memegang suatu permit.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan.

Permohonan permit untuk membina premis akuakultur

6. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan permit bagi membina mana-mana premis akuakultur yang disebut dalam subkaedah 5(1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Apabila menerima permohonan yang disebut dalam subkaedah (1), Ketua Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk memberikan butir-butir, maklumat atau dokumen lanjut.

(3) Sekiranya apa-apa butir-butir, maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subkaedah (2) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan permohonan baharu yang dibuat oleh pemohon.

(4) Suatu permohonan di bawah subkaedah (1) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum pengeluaran atau keengganan untuk mengeluarkan permit.

Pengeluaran permit

7. (1) Selepas menimbangkan permohonan di bawah subkaedah 6(1) dan butir-butir, maklumat atau dokumen di bawah subkaedah 6(2), Ketua Pengarah boleh mengeluarkan atau enggan untuk mengeluarkan permit.

(2) Jika Ketua Pengarah enggan mengeluarkan permit di bawah subkaedah (1), Ketua Pengarah hendaklah memberikan suatu notis bertulis mengenai keputusannya kepada pemohon dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

(3) Pemegang permit hendaklah membina premis akuakultur dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pengeluaran permit itu.

Pematuhan syarat-syarat yang dikenakan ke atas permit

8. (1) Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat apabila mengeluarkan permit di bawah kaedah 7 dan boleh, pada bila-bila masa, meminda syarat yang dikenakan itu.

(2) Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan ke atas permit.

(3) Mana-mana pemegang permit yang melanggar subkaedah (2) melakukan suatu kesalahan.

Pembaharuan permit

9. (1) Jika pemegang permit tidak dapat menyiapkan pembinaan premis akuakultur dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pengeluaran permit, pemegang permit hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah, dalam tempoh enam puluh hari sebelum tamat tempoh permit itu, untuk memperbaharui permit.

(2) Ketua Pengarah boleh, selepas menimbangkan permohonan di bawah subkaedah (1), memperbaharui, dengan atau tanpa syarat, atau enggan untuk memperbaharui permit bagi tempoh maksimum selama dua belas bulan.

(3) Jika Ketua Pengarah enggan untuk memperbaharui permit di bawah subkaedah (2), Ketua Pengarah hendaklah memberikan notis bertulis mengenai keputusannya kepada pemohon dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

(4) Apa-apa permit yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibatalkan apabila lesen dikeluarkan.

Tempoh sah permit

10. Tiap-tiap permit yang dikeluarkan di bawah subkaedah 7(1) adalah sah selama tempoh dua belas bulan dari tarikh pengeluaran permit itu.

Permit tidak boleh dipindah milik

11. Apa-apa permit yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini tidak boleh dipindah milik kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah.

BAHAGIAN IV

LESEN

Aktiviti untuk dilesenkan

12. (1) Tiada seorang pun, termasuk pemegang permit, boleh menjalankan apa-apa aktiviti akuakultur tanpa lesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan.

Permohonan lesen untuk menjalankan aktiviti akuakultur

13. (1) Suatu permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan suatu aktiviti akuakultur hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah—

(a) dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan

(b) sebaik sahaja pembinaan premis akuakultur siap tetapi tidak boleh melebihi satu bulan dari tarikh premis itu siap.

(2) Apabila menerima suatu permohonan di bawah subkaedah (1), Ketua Pengarah—

(a) boleh menghendaki pemohon untuk memberikan butir-butir, maklumat atau dokumen lanjut; dan

(b) hendaklah memeriksa premis akuakultur.

(3) Sekiranya apa-apa butir-butir, maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subkaedah (2) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

(4) Permohonan di bawah subkaedah (1) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum pengeluaran atau keengganan untuk mengeluarkan lesen.

Pengeluaran lesen

14. (1) Selepas menimbangkan permohonan di bawah subkaedah 13(1) dan butir-butir, maklumat atau dokumen di bawah subkaedah 13(2), Ketua Pengarah boleh mengeluarkan lesen sekiranya Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pembinaan premis itu mematuhi syarat yang dikenakan ke atas permit di bawah kaedah 8.

(2) Jika pembinaan premis itu tidak mematuhi syarat yang dikenakan ke atas permit di bawah kaedah 8, Ketua Pengarah boleh enggan mengeluarkan lesen.

(3) Jika Ketua Pengarah membuat keputusan untuk mengeluarkan lesen di bawah subkaedah (1), pemohon hendaklah membayar fi, mengikut sistem kultur, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama sebelum pengeluaran lesen.

(4) Jika Ketua Pengarah enggan mengeluarkan lesen di bawah subkaedah (2), Ketua Pengarah hendaklah memberikan suatu notis bertulis mengenai keputusannya kepada pemohon dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

Pematuhan syarat yang dikenakan ke atas lesen

15. (1) Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat apabila mengeluarkan lesen di bawah kaedah 14 dan boleh, pada bila-bila masa, meminda syarat yang dikenakan itu.

(2) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan ke atas lesen.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subkaedah (2) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan pemegang lesen

16. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah menjalankan aktiviti akuakultur dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pengeluaran lesen itu.

(2) Jika pemegang lesen tidak menjalankan aktiviti akuakultur dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pengeluaran lesen, lesen itu hendaklah terbatal secara automatik.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), jika aktiviti akuakultur tidak boleh dijalankan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pengeluaran lesen, pemegang lesen hendaklah membuat suatu permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah, dalam tempoh dua bulan selepas tarikh pengeluaran lesen itu, untuk suatu pelanjutan tempoh bagi menjalankan aktiviti akuakultur dan pemegang lesen hendaklah memberikan alasan mengapa aktiviti akuakultur tidak boleh dijalankan dalam tempoh itu.

(4) Ketua Pengarah boleh, selepas menimbangkan permohonan yang disebut dalam subkaedah (3)—

(a) meluluskan permohonan dan memberikan tempoh yang lebih panjang tetapi tempoh itu hendaklah tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh pengeluaran lesen itu; atau

- (b) menolak permohonan sekiranya Ketua Pengarah tidak berpuas hati dengan alasan yang diberikan oleh pemegang lesen.

Perluasan, pengubahsuaian *dsb*, premis akuakultur

17. (1) Pemegang lesen tidak boleh memperluas premis akuakultur, mengubah suai struktur premis akuakultur atau memindahkan lokasi premis akuakultur tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan.

Pembaharuan lesen

18. (1) Pemegang lesen boleh, dalam tempoh enam puluh hari sebelum tamat tempoh lesen, memohon untuk memperbaharui lesen kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Tanpa menjejaskan hak pemegang lesen untuk memohon lesen baharu yang permohonan bagi pembaharuan dibuat selepas tamat tempoh lesen itu, Ketua Pengarah boleh enggan untuk memperbaharui lesen itu.

(3) Ketua Pengarah boleh, selepas menimbangkan permohonan di bawah subkaedah (1) atau (2), memperbaharui, dengan atau tanpa syarat, atau enggan untuk memperbaharui lesen itu.

(4) Jika Ketua Pengarah membuat keputusan untuk memperbaharui lesen di bawah subkaedah (3), pemohon hendaklah membayar fi, mengikut sistem kultur, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama sebelum pembaharuan lesen itu.

(5) Jika Ketua Pengarah enggan untuk memperbaharui lesen di bawah subkaedah (3), Ketua Pengarah hendaklah memberikan notis bertulis mengenai keputusannya kepada pemohon dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

(6) Suatu permohonan di bawah subkaedah (1) atau (2) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu diluluskan atau ditolak.

Pindah milik lesen

19. Apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah.

Tempoh sah lesen

20. Lesen yang dikeluarkan di bawah subkaedah 14(1) atau diperbaharui di bawah subkaedah 18(4) hendaklah sah bagi tempoh satu tahun atau bagi suatu tempoh yang lebih panjang yang tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Ketua Pengarah dari tarikh pengeluaran atau pembaharuan lesen itu.

Pengenalan premis akuakultur

21. (1) Tiap-tiap premis akuakultur hendaklah dikenali dengan suatu nombor plat yang diumumkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemegang lesen hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri, menyediakan suatu nombor plat yang menunjukkan nombor yang diumumkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Nombor plat yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah menepati saiz, bahan dan warna sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan nombor plat di bahagian yang mudah dilihat di premis akuakultur sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen.

Pindaan kepada syarat permit atau lesen

22. (1) Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya patut untuk memastikan pengurusan akuakultur yang baik dan mampan, meminda syarat permit atau lesen.

(2) Jika Ketua Pengarah berniat untuk meminda syarat permit atau lesen, Ketua Pengarah hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada pemegang permit atau pemegang lesen mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang permit atau pemegang lesen, Ketua Pengarah hendaklah memutuskan sama ada untuk meminda mana-mana syarat permit atau lesen.

(4) Ketua Pengarah hendaklah memberikan suatu notis bertulis mengenai keputusannya kepada pemegang permit atau pemegang lesen dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

BAHAGIAN V

PENGGANTUNGAN, PEMBATALAN DAN PENYERAHAN BALIK

Penggantungan permit atau lesen

23. (1) Ketua Pengarah boleh menghendaki pemegang permit atau pemegang lesen untuk memberikan penjelasan mengapa permit atau lesennya tidak patut digantung atau dibatalkan sekiranya Ketua Pengarah berpuas hati bahawa mana-mana syarat yang dikenakan ke atas permit atau lesen tidak dipatuhi atau telah dilanggar.

(2) Ketua Pengarah boleh menggantung atau membatalkan permit atau lesen sekiranya pemegang permit atau pemegang lesen gagal untuk memberikan penjelasan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subkaedah (1).

(3) Sekiranya Ketua Pengarah tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan di bawah subkaedah (1), Ketua Pengarah boleh menggantung permit atau lesen itu bagi suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan dan boleh melanjutkan penggantungan itu bagi tempoh tidak melebihi enam bulan lagi.

Pembatalan permit atau lesen

24. (1) Ketua Pengarah hendaklah, dalam tempoh yang munasabah, membatalkan suatu permit atau lesen sekiranya—

- (a) selepas tiga bulan dari tarikh penggantungan permit atau lesen, pemegang permit atau pemegang lesen masih tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan ke atas permit atau lesen itu;
- (b) pemegang permit atau pemegang lesen itu meninggal dunia;
- (c) pemegang permit atau pemegang lesen itu tidak sempurna akal atau tidak berupaya untuk menunaikan kewajibannya; atau
- (d) pemegang permit atau pemegang lesen itu, dalam hal suatu syarikat, adalah digulung.

(2) Jika suatu permit dibatalkan di bawah subkaedah (1)—

- (a) premis akuakultur itu hendaklah terhenti beroperasi;
- (b) semua struktur dan kemudahan di premis akuakultur itu hendaklah dialihkan dan pemegang permit hendaklah memulihkan tapak premis akuakultur kepada suatu piawaian yang boleh diterima oleh Ketua Pengarah dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh pembatalan itu.

(3) Jika suatu lesen dibatalkan di bawah subkaedah (1)—

- (a) premis akuakultur itu hendaklah terhenti beroperasi;
- (b) aktiviti akuakultur itu hendaklah terhenti daripada dijalankan; dan

(c) semua struktur dan kemudahan di premis akuakultur itu hendaklah dialihkan dan pemegang lesen hendaklah memulihkan tapak premis akuakultur kepada suatu piawaian yang boleh diterima oleh Ketua Pengarah dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh pembatalan itu.

(4) Jika suatu permit atau lesen dibatalkan di bawah subkaedah (1), kos bagi perkara yang berikut hendaklah ditanggung oleh pemegang permit atau pemegang lesen:

(a) penutupan premis akuakultur;

(b) pengalihan semua struktur dan kemudahan di premis akuakultur; atau

(c) pemulihan tapak premis akuakultur kepada piawaian yang diterima oleh Ketua Pengarah.

Penyerahan balik permit atau lesen

25. (1) Pemegang permit atau pemegang lesen yang terhenti daripada membina premis akuakultur atau terhenti daripada menjalankan aktiviti akuakultur hendaklah menyerahkan balik permit atau lesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Ketua Pengarah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pemberhentian itu dengan mengemukakan permit atau lesen kepada Ketua Pengarah berserta dengan suatu notis bertulis bagi maksud itu.

(2) Penyerahan balik hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Ketua Pengarah menerima permit atau lesen itu dan notis yang disebut dalam subkaedah (1), atau sekiranya suatu tarikh jangkaan penyerahan balik dinyatakan dalam notis itu, pada tarikh jangkaan itu.

(3) Penyerahan balik permit atau lesen tidak boleh dibatalkan melainkan jika dinyatakan akan berkuat kuasa pada suatu tarikh jangkaan dan Ketua Pengarah,

sebelum tarikh itu, melalui notis secara bertulis kepada pemegang lesen membenarkan penyerahan balik itu ditarik balik.

(4) Jika permit atau lesen telah diserahkan balik menurut subkaedah (1), pemegang permit atau pemegang lesen hendaklah mengalihkan semua struktur dan kemudahan di premis akuakultur dan memulihkan tapak premis akuakultur kepada piawaian yang diterima oleh Ketua Pengarah dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam subkaedah (1).

BAHAGIAN VI PENGURUSAN PENGENDALIAN AKUAKULTUR

Amalan akuakultur baik

26. (1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, Ketua Pengarah hendaklah menentukan amalan akuakultur baik yang terdiri daripada piawaian dan garis panduan—

- (a) bagi memastikan kualiti, keselamatan dan kesihatan pengeluaran akuakultur;
- (b) bagi memastikan kualiti, keselamatan dan kesihatan pengeluaran benih ikan;
- (c) bagi memastikan premis akuakultur bebas daripada apa-apa penyakit ikan;
- (d) bagi menggalakkan pengeluaran dan pengembangan akuakultur yang cekap dan bertanggungjawab; dan
- (e) bagi memastikan kemampunan alam sekitar.

(2) Pemegang lesen hendaklah mematuhi amalan akuakultur baik dalam menjalankan aktiviti akuakultur.

(3) Bagi maksud mematuhi amalan akuakultur baik yang disebut dalam subkaedah (1), pemegang lesen hendaklah menyediakan suatu pelan biosekuriti.

(4) Bagi maksud kaedah ini, “pelan biosekuriti” ertinya suatu amalan pengurusan aktiviti akuakultur perikanan darat yang melindungi populasi ikan yang sihat daripada terdedah kepada risiko yang ditimbulkan oleh patogen melalui penyisihan, pengawalan dan pembasmian patogen dan termasuklah penyediaan dokumen pelan kerja akuakultur yang direka untuk memastikan bahawa semua tindakan yang diperlukan, kehendak dan sumber adalah disediakan bagi membasmi atau mengawal wabak penyakit ikan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Pelepasan efluen terawat

27. (1) Pemegang lesen tidak boleh melepaskan apa-apa efluen terawat daripada premis akuakultur ke dalam perairan sungai melainkan jika pelepasan itu dibuat mengikut amalan akuakultur baik.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan.

Pelepasan efluen yang tidak dirawat

28. (1) Pemegang lesen tidak boleh melepaskan apa-apa efluen tidak dirawat daripada premis akuakultur ke dalam perairan sungai.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan.

Penggunaan bahan kimia akuakultur

29. (1) Pemegang lesen tidak boleh menggunakan apa-apa bahan kimia akuakultur kecuali dengan kelulusan Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Bagi maksud kaedah ini, “bahan kimia akuakultur” ertinya suatu bahan atau campuran yang digunakan secara dalaman atau luaran—

- (a) bagi maksud terapeutik, profilaktik atau penggalakan tumbesaran ikan;
- (b) bagi pengubahsuaian fungsi fisiologi atau kelakuan ikan; atau
- (c) bagi apa-apa maksud dalam aktiviti akuakultur.

Ikan yang diubah suai secara genetik, ikan eksotik dan spesies ikan yang bukan asli

30. (1) Bagi maksud kaedah ini—

“ikan eksotik” ertinya apa-apa ikan yang bukan berasal dari negara ini;

“spesies ikan yang bukan asli” ertinya spesies ikan yang dijumpai di luar daripada habitat semula jadi atau zon sebaran semula jadi dan termasuklah semua spesies dibiak baka, feral dan semua hibrid kecuali kacukan yang terhasil secara semula jadi daripada spesies ikan asli;

“ikan yang diubah suai secara genetik” ertinya mana-mana ikan yang memiliki suatu kombinasi baru bahan genetik yang diperolehi melalui penggunaan bioteknologi moden.

(2) Mana-mana orang tidak boleh menternak, membiak baka, menyimpan, menjual atau menggunakan ikan yang diubah suai secara genetik, ikan eksotik atau spesies ikan yang bukan asli dalam aktiviti akuakultur kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana orang tidak boleh melupuskan apa-apa ikan yang diubah suai secara genetik, ikan eksotik atau spesies ikan yang bukan asli ke dalam mana-mana perairan sungai.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (2) dan (3) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VII PENGURUSAN KESIHATAN IKAN

Penyakit ikan

31. Bagi maksud Bahagian ini, “penyakit ikan” ertinya penyakit ikan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Pemberitahuan penyakit ikan

32. Jika pemegang lesen mempunyai alasan untuk mengesyaki kehadiran penyakit ikan, seperti peningkatan kematian ikan atau perubahan kelakuan ikan atau kehadiran tanda klinikal, pemegang lesen hendaklah, dalam tempoh empat puluh lapan jam, memberitahu pegawai perikanan darat.

Mengesyaki penyakit ikan

33. (1) Ketua Pengarah boleh menentukan mana-mana makmal sebagai makmal diagnostik bagi maksud kaedah ini.

(2) Tertakluk kepada kaedah 32, pegawai perikanan darat boleh mengisytiharkan premis akuakultur sebagai kawasan kuarantin melalui suatu notis bertulis kepada pemegang lesen.

(3) Jika pegawai perikanan darat telah mengisytiharkan bahawa premis akuakultur sebagai kawasan kuarantin, pemegang lesen—

(a) hendaklah membenarkan sampel ikan diambil sewajarnya oleh pegawai perikanan darat—

- (i) untuk analisis makmal diagnostik bagi mengesahkan kehadiran penyakit ikan; dan
 - (ii) untuk menjalankan pemerhatian selama tempoh masa yang dinyatakan dan jika sesuai, pensampelan, ujian dan rawatan termasuklah rawatan sewajarnya air efluen boleh dijalankan;
- (b) hendaklah, sementara menanti keputusan analisis makmal diagnostik sebagaimana yang diperuntukkan dalam subperenggan (a)(i)—
- (i) membenarkan pegawai perikanan darat untuk menjalankan siri penyiasatan sistematik bagi suatu populasi ikan yang tertentu untuk mengesan kejadian penyakit ikan bagi tujuan kawalan dan penyiasatan itu boleh melibatkan ujian sampel populasi ikan;
 - (ii) tidak membenarkan apa-apa ikan dibawa keluar daripada atau dibawa masuk ke premis akuakultur, melainkan jika dibenarkan oleh pegawai perikanan darat; dan
 - (iii) membenarkan pegawai perikanan darat untuk menjalankan penyiasatan epizootik bagi menentukan—
 - (A) kemungkinan punca penyakit dan cara pencemarannya;
 - (B) rekod pergerakan ikan daripada premis akuakultur; dan
 - (C) sama ada premis akuakultur lain telah terjejas; dan
- (c) tidak boleh menggunakan apa-apa ikan dalam kawasan kuarantin untuk tujuan pembiakan.

(4) Jika analisis makmal diagnostik menunjukkan keputusan negatif, pegawai perikanan darat hendaklah menarik balik, secara bertulis, pengisytiharan yang disebut dalam subkaedah (2).

Pengesahan penyakit ikan

34. (1) Jika analisis makmal diagnostik mengesahkan berlakunya penyakit ikan, Ketua Pengarah hendaklah mengisytiharkan premis akuakultur sebagai kawasan pembendungan melalui suatu notis bertulis kepada pemegang lesen.

(2) Jika makmal diagnostik mengesahkan berlakunya penyakit ikan, pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (a) tiada ikan dibenarkan untuk dibawa masuk atau dibawa keluar daripada kawasan pembendungan, melainkan jika dibenarkan oleh Ketua Pengarah;
- (b) ikan mati daripada kawasan pembendungan dilupuskan dalam tempoh masa yang munasabah, dengan mengambil kira risiko penyebaran penyakit oleh ikan mati itu;
- (c) jika ikan tidak menunjukkan apa-apa tanda klinikal penyakit, ikan itu bolehlah dituai di bawah pengawasan Ketua Pengarah;
- (d) jika ikan menunjukkan apa-apa tanda klinikal penyakit, ikan itu hendaklah dialihkan, dimusnahkan dan dilupuskan di bawah pengawasan Ketua Pengarah;
- (e) kenderaan, vesel penangkapan ikan, kemudahan dan peralatan yang digunakan dalam kawasan pembendungan hendaklah dibersihkan, dikeringkan dan dibasmi kuman;

- (f) mana-mana orang yang memasuki atau meninggalkan kawasan pembendungan hendaklah mematuhi protokol pembasmian kuman;
- (g) premis akuakultur hendaklah dikosongkan, dibersihkan dan dibasmi kuman;
- (h) premis akuakultur hendaklah dibiarkan kosong bagi suatu tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah selepas dikosongkan, dibersihkan dan dibasmi kuman; dan
- (i) apa-apa langkah tambahan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pemegang lesen telah mengambil semua langkah yang disebut dalam subkaedah (2), Ketua Pengarah hendaklah menarik balik, secara bertulis, pengisytiharan yang disebut dalam subkaedah (1).

Pengisytiharan kawasan bebas penyakit ikan

35. Ketua Pengarah boleh mengisytiharkan kawasan bebas penyakit ikan jika difikirkannya patut.

BAHAGIAN VIII PERUNTUKAN AM

Rayuan kepada Menteri

36. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Ketua Pengarah untuk mengeluarkan atau memperbaharui mana-mana permit atau lesen di bawah Kaedah-Kaedah ini atau dengan penggantungan atau pembatalan mana-mana permit atau lesen yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Menteri terhadap keengganan, penggantungan atau pembatalan itu

dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh keengganan, penggantungan atau pembatalan itu.

(2) Menteri boleh, selepas mendengar rayuan itu, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dan perintah itu adalah muktamad.

Penyampaian dokumen

37. (1) Jika apa-apa dokumen hendak disampaikan di bawah Kaedah-Kaedah ini kepada mana-mana orang, dokumen itu boleh disampaikan—

- (a) dalam apa-apa hal dengan menyerahkan sendiri suatu salinan kepada orang yang hendak disampaikan;
- (b) sekiranya dokumen itu hendak disampaikan kepada pemegang permit atau pemegang lesen atau sesiapa sahaja yang terlibat di premis akuakultur itu, dengan meninggalkan dokumen itu di premis akuakultur itu dengan orang yang, atau didapati sebagai, bertanggungjawab ke atas premis akuakultur itu;
- (c) dengan menampalkan suatu salinan dokumen itu di mana-mana bahagian yang mudah dilihat di rumahnya atau di premis akuakultur; atau
- (d) dengan surat berdaftar yang dialamatkan ke tempat tinggalnya yang terakhir.

(2) Suatu dokumen yang hendak disampaikan kepada pemegang permit atau pemegang lesen premis akuakultur yang mengendalikan sistem kultur di bawah Kaedah-Kaedah ini boleh disampaikan kepada pemegang permit atau pemegang lesen itu atau, sekiranya tidak ada pengurus, kepada ejen pemegang permit atau pemegang lesen yang tinggal di Malaysia atau, jika ejen itu tidak diketahui atau tidak dijumpai, dengan menampalkan suatu salinan dokumen itu di mana-mana struktur yang mudah dilihat di premis akuakultur itu.

Peralihan

38. (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, menjalankan apa-apa aktiviti akuakultur hendaklah dalam tempoh enam bulan dari tarikh mula berkuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, memohon untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan aktiviti akuakultur.

(2) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, dalam proses membina apa-apa premis akuakultur hendaklah dalam tempoh enam bulan dari tarikh mula berkuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, memohon untuk suatu permit bagi membina premis akuakultur.

JADUAL PERTAMA

[Subkaedah 14(3) dan 18(4)]

FI BAGI PENGELUARAN DAN PEMBAHARUAN LESEN

Bil.	Sistem kultur	Fi bagi satu tahun
1.	Kultur mengguna rak	RM 50.00
2.	Kultur mengguna tiang	RM 50.00
3.	Kultur mengguna rakit	RM 50.00
4.	Kultur mengguna rawai	RM 50.00
5.	Kultur mengguna sangkar	RM 50.00
6.	Kultur mengguna kandang	RM 50.00
7.	Kultur di dasar	RM 50.00
8.	Kultur di kolam	RM 50.00
9.	Kultur mengguna tangki	RM 50.00
10.	Hatceri	RM 50.00

11.	Nurseri	RM 50.00
12.	Sistem kultur lain	RM 50.00

Bagi maksud Jadual ini—

“kultur mengguna sangkar” ertinya suatu sistem penternakan ikan di dalam suatu kepungan yang dibuat daripada apa-apa bahan saringan yang diikat pada struktur yang disauhkan ke dasar perairan sungai atau diletakkan pada mana-mana tempat di darat;

“kultur mengguna rawai” ertinya suatu sistem penternakan tumbuhan akuatik atau moluska pada tali yang terapung-apung yang diapungkan oleh pelampung yang disauhkan ke dasar perairan sungai;

“kultur di dasar” ertinya suatu sistem penternakan moluska dan tumbuhan akuatik di dasar perairan sungai;

“kultur mengguna kandang” ertinya suatu sistem penternakan ikan di dalam kepungan yang dibuat daripada bahan saringan yang dilekatkan kepada tiang yang terletak di atas atau dipacak di dasar perairan sungai;

“kultur mengguna tiang” ertinya suatu sistem penternakan tumbuhan akuatik atau moluska pada tiang yang menegak yang dipacakkan di dasar perairan sungai;

“kultur di kolam” ertinya apa-apa cara penternakan ikan di dalam kolam;

“kultur mengguna rak” ertinya suatu sistem penternakan tumbuhan akuatik atau moluska pada tali atau dulang yang terapung atau disokong daripada tiang melintang yang disokong oleh tiang menegak yang dipacakkan ke dasar perairan sungai;

“kultur mengguna rakit” ertinya suatu sistem penternakan tumbuhan akuatik atau moluska pada tali atau dulang yang terapung daripada pelantar atau tali yang diapungkan dengan pelampung yang disauhkan di dasar perairan sungai.

JADUAL KEDUA

[Kaedah 31]

PENYAKIT IKAN

Penyakit yang berikut disenaraikan mengikut kriteria atau penyenaian penyakit haiwan akuatik atau kriteria atau penyenaian penyakit haiwan akuatik yang baru muncul.

1. **Penyakit Ikan**

Jangkitan dengan *Aphanomyces invadans* (sindrom *epizootic ulcerative*)

Penyakit *koi herpesvirus*

Penyakit *red sea bream iridoviral*

Spring viraemia of carp

Penyakit *enteric red mouth*

Jangkitan dengan *Megalocytivirus*

Viral nervous necrosis

Jangkitan dengan *Streptococcus sp.*

Jangkitan dengan *Aeromonas salmonicida*

2. **Penyakit Krustasea**

Penyakit *acute hepatopancreatic necrosis*

Jangkitan dengan virus *yellowhead*

Infectious hypodermal and haematopoietic necrosis

Infectious myonecrosis

Necrotising hepatopancreatitis

Sindrom *taura*

Penyakit *white spot*

Penyakit *white tail*

Jangkitan dengan *Enterocytozoon hepatopenaei*

3. **Penyakit Moluska**

Jangkitan dengan *Perkinsus marinus*

Dibuat 20 Februari 2017

[PRK.ML.11/01/27; PN(PU2)160/XIII]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

FISHERIES ACT 1985

FISHERIES (INLAND FISHERIES AQUACULTURE)
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR AND FEDERAL TERRITORY OF LABUAN)
RULES 2017

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

ADMINISTRATION

4. Aquaculture development plan for inland fisheries

PART III

PERMIT

5. Activity requiring permit
6. Application for permit to set up aquaculture premises
7. Issuance of permit
8. Compliance with conditions imposed on permit
9. Renewal of permit
10. Validity period of permit
11. Non-transferability of permit

PART IV

LICENCE

12. Activity to be licenced
